

KUIM tawar program Sarjana Muda Undang-Undang, Syariah

KUALA LUMPUR 30 Sept. — Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah pertama di negara ini dengan menggabungkan undang-undang syariah dan sivil di bawah satu program.

Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan KUIM, Prof. Datuk Abdullah Mat Zin berkata, ia bertujuan melahirkan graduan mahir bidang syariah dan sivil.

Abdullah berkata, selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian, KUIM akan melakukan pengambilan pertama seramai 50 pelajar bermula Jun tahun depan.

Tambahnya, pemilihan akan dibuat terdiri daripada pelajar cemerlang dari sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan sekolah menengah agama negeri (SMAN) yang mahir dalam bahasa Arab dan Inggeris.

Katanya, program berkenaan akan membolehkan graduan terbabit mampu melaksanakan tugas di jabatan kehakiman syariah negeri dan sivil di negara ini.

“Setakat ini program tersebut telah mendapat kelulusan Senat dan akan dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan dalam tempoh terdekat,” katanya selepas merasmikan Wacana Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad) di sini hari ini.

Jelasnya, mereka juga akan mengikuti pengajian selama lima tahun yang mana empat tahun pertama akan mengikuti pengajian undang-undang manakala setahun kemudian pengajian syariah.

Katanya, KUIM juga akan mewujudkan beberapa fakulti baru antaranya ialah Fakulti Sains dan Teknologi; Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Fakulti Pengajian Bahasa dan Pendidikan.